

Bil(5)dlm.NPC(SMI-AC)807.1/129

25 Julai 2006

En Azman Abd Jalil
Pengarah Urusan
A1 Consultancy & Integrated Services Sdn Bhd
No 4-2, Jalan Mutiara Melaka 2,
Batu Berendam,
75350 Melaka

Faks:06-3176748

.Tuan,

PENDAFTARAN FIRMA JURUPERUNDING

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas serta permohonan tuan. Bertarikh 7 Jun 2006.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sekretariat Pendaftaran Juruperunding telah bersetuju meluluskan permohonan firma tuan. Bahawa dengan ini, diperakui bahawa firma **A1 CONSULTANCY & INTEGRATED SERVICES SDN BHD** telah berdaftar dengan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) di dalam bidang perkhidmatan perundingan berkaitan dengan :

Amalan Pengilangan Baik (Good Manufacturing Practices)

4. Nombor pendaftaran bagi syarikat tuan adalah **NPC(SMA-AC)807.1/129**. Harap maklum bahawa kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang dilampirkan bersama-sama surat ini.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’
“BERSAMA MENCAPAI KECEMERLANGAN”

Saya yang menurut perintah,



(Zainudin Elias)

Pengerusi
Sekretariat Pendaftaran Juruperunding
b.p. Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Negara

SYARAT-SYARAT KELULUSAN PENDAFTARAN FIRMA JURUPERUNDING

1. SYARAT-SYARAT

- 1.1 Kelulusan ini diberi berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah disampaikan oleh pihak firma.
- 1.2 Sebarang perubahan atau pertambahan ke atas maklumat-maklumat tersebut hendaklah dimaklumkan kepada NPC dari masa ke semasa.
- 1.3 Firma hendaklah memastikan bahawa kelulusan pendaftaran tidak bertindih dengan kelulusan kepada firma lain yang:
 - 1.3.1 Mempunyai pemilik atau Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan yang sama; atau
 - 1.3.2 Beroperasi di premis yang sama.
- 1.4 NPC berhak membatalkan atau menggantung pendaftaran tanpa apa-apa notis jika didapati maklumat yang diberikan tidak benar.

2. PEMBATALAN/PENGGANTUNGAN PENDAFTARAN

- 2.1 Pendaftaran akan dibatal atau digantung sekiranya didapati:
 - 2.1.1 Prestasi perkhidmatan yang ditunjukkan kurang memuaskan
 - 2.1.2 Meminda surat kelulusan ini dengan tujuan menipu atau lain-lain maksud.
 - 2.1.3 Membenarkan kelulusan pendaftaran disalahgunakan oleh individu atau firma lain.

3. PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

- 3.1 Firma akan dimaklumkan bila pembaharuan pendaftaran diperlukan dan hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran semula dalam tempoh yang ditetapkan.